

Projek perumahan bandar pintar RMK-12

UTUSAN ONLINE | 11 September 2019 6:59 PM



ZURAIDA KAMARUDDIN melawat gerai pameran yang menyertai program Smart Cities Asia 2019 di Kuala Lumpur hari ini. - BERNAMA

6

KUALA LUMPUR 11 Sept. - Kerajaan akan membangunkan lebih banyak projek perumahan bandar pintar di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dalam usaha menjadikan Kuala Lumpur dan bandar lain setanding dengan bandar pintar di negara maju, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Bandar pintar merupakan bandar yang dilengkapi teknologi maklumat dan komunikasi bagi menaik taraf kualiti dan prestasi perkhidmatan di bandar seperti tenaga, pengangkutan dan utiliti untuk mengurangkan penggunaan sumber, pembaziran dan kos keseluruhan.

"Untuk tempoh lima tahun akan datang, kita seharusnya dapat mencapai sekurang-kurangnya 70 ke 75 peratus (indeks bandar pintar) berbanding 52.83 peratus pada masa ini," katanya kepada pemberita pada program Smart Cities Asia 2019 kelima di sini, hari ini.

Motion Index IESE Cities menyaksikan London berada pada kedudukan teratas sebagai bandar paling pintar dunia dengan skor 100 peratus, diikuti New York di tempat kedua dengan skor 94.63 peratus, manakala Kuala Lumpur menduduki tempat ke-100 dengan 52.83 peratus.

Indeks itu dikeluarkan IESE Business School, University of Navarra, Sepanyol untuk memberi penilaian terhadap bandar yang berkaitan sembilan dimensi utama, antaranya modal insan, kesepaduan sosial, ekonomi dan tadbir urus.